

01 AUG 2003

Jamaluddin-Komnas

KERAJAAN SETUJU KEMENTERIAN PENDIDIKAN CUBA KOMNAS DENGAN PERISIAN  
LINUX

ROMPIN, 1 Ogos (Bernama) -- Kerajaan bersetuju supaya Kementerian Pendidikan menggunakan Komputer Nasional (Komnas) yang dilengkapi dengan perisian Linux yang berasaskan sumber terbuka atau "open source" sebagai percubaan di semua makmal komputer di sekolah-sekolah.

Menteri Kewangan kedua, Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis berkata produk ulung keluaran DRB-Hicom Information Technologies Sdn Bhd (DHIT) itu didapati lebih berkesan, selain dari harganya yang murah.

"Projek Rintis Komnas kini masih berada diperingkat permulaan. Ia sudah dilancarkan di dua tempat iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Bekoh, Asahan, Melaka dan Sekolah Kebangsaan Keratong 10, di sini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Projek Rintis Komnas di Sekolah Kebangsaan Keratong 10, Rompin di sini hari ini.

Katanya projek ini penting untuk merapatkan jurang digital antara pelajar di bandar dan luar bandar dalam meneroka perkembangan Teknologi Maklumat Komunikasi (ICT).

Jamaluddin berkata selain pendedahan yang diberikan kepada para pelajar, pihak sekolah dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) juga dicadangkan supaya memberi kursus atau seminar kepada ibu bapa tentang kepentingan Teknologi Maklumat (IT) dan ICT.

"Pada masa cuti sekolah, pihak sekolah dicadangkan supaya mengadakan kursus untuk ibu bapa tentang penggunaan komputer," katanya.

Komnas telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Julai tahun lepas dan pada awalnya ia disasarkan untuk pengguna-pengguna di rumah, namun DHIT telah memperluaskannya untuk tujuan pendidikan menerusi makmal IT di sekolah-sekolah.

Katanya kerajaan melalui Kementerian Pendidikan mensasarkan untuk melengkapkan lebih 10,000 sekolah dengan makmal IT sejak tiga tahun lepas dalam tiga peringkat.

"Komnas yang menggunakan perisian Linux menawarkan satu kaedah perkomputeran yang terkini, komprehensif, mampu dimiliki, boleh dipercayai, fleksibel dan mesra pengguna," katanya.

Projek rintis Makmal IT KOMNAS 2020 yang ditaja oleh DHIT ini melibatkan kerja-kerja pembekalan seperti memasang rangkaian kabel, membekal kerusi meja dan projektor dan membekal dan memasang 21 unit Komnas 2020 yang dilengkapi perisian kursus pembelajaran dari pusat sumber pendidikan negeri.

-- BERNAMA

LIB AZH